

## **ABSTRAK**

Disertasi ini bertajuk “Analisis Kesilapan Penggunaan Ayat-Ayat Bersyarat Di Kalangan Pelajar Melayu”. Hipotesis yang akan cuba dikenal pasti di dalam penyelidikan ialah pelajar Bahasa Jepun (BJ) menghadapi masalah membuat perbezaan Ayat-ayat Bersyarat Bahasa Jepun (ABBJ) disebabkan gangguan oleh bahasa pertama. Objektif penyelidikan ini ialah mengenal pasti jenis-jenis kesalahan, kesilapan dan kekerapan setiap kesalahan ini dilakukan dalam pemerolehan pembelajaran BJ sebagai bahasa ketiga. Untuk memenuhi objektif di atas penyelidik telah melakukan ujian objektif ke atas 76 orang pelajar Melayu Pusat Persediaan Kajian Teknikal Ke Jepun (PPKTJ), UTM. Kesimpulan daripada penyelidikan ini menunjukkan bahawa responden melakukan sebanyak 1408 kesalahan daripada 2964 soalan. Iaitu sebanyak 47.5%. Peratusan keseluruhan kesilapan yang diperolehi ini menunjukkan tahap kefahaman dan penguasaan penggunaan ABBJ di kalangan pelajar-pelajar PPKTJ belum mencapai tahap yang memuaskan. Pada akhir penyelidikan, penyelidik akan cuba untuk menyenaraikan cadangan yang relevan untuk membantu pengajar-pengajar BJ dalam usaha mengatasi kelemahan penguasaan pelajar terhadap ABBJ.

## **ABSTRACT**

The Error Analysis study of Conditional Sentences reflected in Japanese Language use among the Malay students, is a huge task considering the history and complexity of the language involved. However, such a study is relevant in an attempt to find out the effectiveness of Japanese Language teaching. This study will also try to find out differences, type and frequency of errors that occurs in Japanese Language. The hypothesis of this study is interference of first language will influence to Japanese Language learners ability in differentiating the functions of Conditional Sentences Seventy-six Malay students of PPKTJ, UTM were used as subjects in this study. The respondents were given a set of objective test which consists of two parts. The findings of this study revealed that respondents did 1408 errors in the given 2964 questions. This is about 47.5%. This percentage showed that the level of accurate usage of Conditional Sentences among Malay students is still low. Implications of the findings for teaching Conditional Sentences in the Japanese Language were also discussed.